

POINTERS UCAPAN

YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOF
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

PROGRAM TURUN PADANG KPWKM EDISI NEGERI SARAWAK
#BerambahKPWKM

17 SEPTEMBER 2020 (KHAMIS)
3.00 PETANG – 4.30 PETANG

SESI RAMAH MESRA BERSAMA KOMUNITI SETEMPAT
DEWAN PANCA DELIMA, SMK HAJAH LAILA TAIB, ASAJAYA
SAMARAHAN, KUCHING, SARAWAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

dan Salam Sejahtera

SALUTASI *(akan diberikan semasa program)*

PENDAHULUAN

1. Kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataa'la kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, diberi ruang dan peluang untuk bersama dalam **Sesi Ramah Mesra Bersama Komuniti Setempat Asajaya, Samarahan, Kuching** sebagai salah satu aktiviti dalam **Program Turun Padang (PTP) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Edisi Negeri Sarawak** pada hari ini.

2. **Terima kasih atas penyediaan Dewan Panca Delima, SMK Hajah Laila Taib ini** sebagai lokasi pertemuan kita pada hari ini untuk lebih mendekati kumpulan sasar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).
3. Terima kasih kepada **pegawai-pegawai**:
 - KPWKM (JKM, LPPKN, JPW) dari Putrajaya dan Sarawak;
 - Penyelaras Parlimen dan DUN; dan
 - Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Sarawak atas sokongan dan bantuan kepada Kementerian dalam menjayakan program pada pagi ini.
4. Pelaksanaan PTP di **Sarawak**:
 - Bermula pada 16 hingga 18 September 2020 (Rabu-Jumaat).
 - Batang Lupar - Betong – Kuching – Samarahan.
 - Ziarah Kasih;
 - Sumbangan Bakul Makanan;
 - Penelitian keperluan lain (kediaman, makanan, perlindungan dan bantuan kebajikan).
 - Sesi bertemu kumpulan sasar (ibu tunggal, OKU, Warga Emas, Keluarga, penerima bantuan serta Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum).

5. Tujuan PTP:

- Mendengar keperluan dan permasalahan rakyat.
- Menyampaikan penerangan berhubung perkhidmatan dan inisiatif di bawah KPWKM supaya lebih difahami oleh rakyat.
- Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum serta NGO sebagai tangan dan telinga Kementerian dalam menyampaikan penerangan dan bimbingan kepada rakyat.
- Memudahkan urusan rakyat dalam membuat permohonan seperti Bantuan Kebajikan dan Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT).

6. Sebentar tadi baru sahaja diadakan **Lawatan Kerja ke Program Pemerkasaan Keluarga dan Komuniti (FACE)** di Dewan Masyarakat Kampung Asajaya Ulu bagi meninjau pelaksanaan FACE dan kesannya terhadap komuniti setempat:

- FACE berperanan untuk **memperkasa komuniti** sebagai salah satu sistem sokongan sosial untuk menghasilkan **keluarga sejahtera** dalam satu-satu kawasan.
- Disarankan supaya lebih banyak keluarga yang terlibat dalam program ini.

7. Inisiatif Kepada Kumpulan Sasar:

- Semasa PKP:

- Pakej-pakej khas **Bakul Makanan** dan wang tunai kepada golongan rentan di bawah Tabung Bencana COVID-19 dan Kementerian Kewangan Malaysia (RM47,429,105.44).
- Penugasan **4,293 orang barisan hadapan (*frontliners*) JKM** (dibantu Angkatan Tentera Malaysia (ATM), PDRM, JKR, PERHILITAN, RELA, APM).
- **Tabung Prihatin YKN-JKM COVID-19** bagi menggalakkan syarikat korporat dan orang perseorangan untuk menyumbang.
- **[PENTING]**
Talian Kasih 15999 dan Talian Whatsapp 0192615999 untuk menerima aduan isu-isu wanita, kanak-kanak, OKU, keluarga dan masyarakat:
 - Penganiyaan, penderaan anak-anak, penderaan/pengabaian isteri/suami dari segi emosi, fizikal dan seksual, pengabaian anak-anak (pendidikan, penyediaan makanan, emosi, tempat tinggal, kesihatan reproduktif anak-anak perempuan).
- Wabak COVID-19 memberi **kesan negatif ke atas ekonomi** negara (penutupan perniagaan, kehilangan pekerjaan dan penguncupan peluang pekerjaan).

- Terima kasih kepada **YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin**, Perdana Menteri - pengumuman **PENJANA** pada 5 Jun 2020:
 - **Program Subsidi TASKA RM35 juta** - dalam bentuk bantuan kewangan dan pelepasan cukai serta pemberian geran sehingga RM5,000 kepada TASKA berdaftar.
 - **Program Bantuan Tunai secara one-off RM103 juta** - RM300 untuk untuk ibu tunggal, OKU dan sukarelawan Program Khidmat Bantu di Rumah - 190,000 orang OKU yang berdaftar - 150,000 orang ibu tunggal.
- **Bantuan Kebajikan di Sarawak:**
 - Penerima Bantuan: 52,514 orang.
 - Peruntukan: RM113.6 juta.
 - *One-off* OKU di bawah PENJANA: 12,775 orang (RM3.8 juta)
- **Bantuan Kebajikan si Kota Samarahan:**
 - Penerima Bantuan: 1,687 orang.
 - Peruntukan: RM5.2 juta.
 - *One-off* OKU di bawah PENJANA: 359 orang (RM107 ribu)
- Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT) (19 Jun – 7 Ogos) sebanyak **5,852 permohonan yang berjaya (Lulus)** di Sarawak:

- Kelulusan ini merupakan yang **Kedua Tertinggi** selepas Negeri Kelantan dengan 6,681 yang lulus.
 - Terdapat juga permohonan yang **tidak berjaya disebabkan faktor**: dokumen tidak lengkap, pendapatan melebihi PGK RM960, tidak mempunyai anak yang belum berkahwin atau tidak termasuk dalam definisi Ibu Tunggal yang ditetapkan.
8. Menyarankan agar pemimpin tempatan dan NGO dapat **menyebarkan luas mengenai BKIT** dan proses permohonan yang tepat serta membantu ibu-ibu tunggal yang membuat permohonan ini agar dokumen yang dikemukakan lengkap.
 9. Menyeru Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum, ibu-ibu tunggal/ibu Waja, OKU, Warga Emas dan Keluarga mengambil kesempatan ini untuk **bertemu dengan pegawai-pegawai kementerian dan jabatan untuk mendapatkan maklumat** mengenai perkhidmatan dan bantuan di bawah Kerajaan.
 10. Sekiranya ada permasalahan yang bukan di bawah bidang kuasa KPWK, kita akan cuba **panjangkan ke Kementerian/Jabatan lain** yang berkaitan.

11. Akhir kata, saya doakan agar program ini dapat memberi manfaat kepada semua yang hadir dan semoga para hadirin dilimpahi rahmat dan dilindungi Allah SWT. InsyaAllah

Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.